

# PPIB UMS salur 75 'Kit Ramadan'

VB 24.5.2019 AH  
KOTAKINABALU: Program khidmat masyarakat anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Kelab Kebajikan, Rekreasi dan Libatsama PPIB (Karib) memberi sumbangan berupa barang keperluan dapur, sekali gus membantu golongan kurang berkemampuan di Kampung Buah Pandai.

Program bertemakan 'Tautan Kasih: Infiniti dalam Ukhwah, Keprihatinan Staf PPIB UMS' itu berjaya mengumpulkan 75 'Kit Ramadan' pada Rabu.

Majlis penyerahan Kit Ramadan disempurnakan oleh Prof Dr Jualang @Azlan Gansau selaku dekan PPIB UMS.

"Pelaksanaan program tahunan ini sewajarnya memupuk semangat kerjasama dan berkongsi rezeki dalam membantu golongan yang



**SIMBOLIK** penyerahan daripada pengurus Karib PPIB kepada dekan PPIB.

kurang berkemampuan bersempena kedatangan Hari Raya Aidilfitri. Kampung Buah Pandai adalah satu daripada dua lokasi khidmat masyarakat PPIB UMS tahun ini," katanya.

Dr Syamsul Azizul Marinsah selaku penyelaras

program menjelaskan selain pemberian sumbangan, beberapa pengisian disusuli termasuk tazkirah Ramadan daripada pihak rombongan, berbuka puasa dan solat berjemaah bersama penduduk kampung.

"Selain mendekatkan para

penyumbang kepada taqwa serta penghayatan sebenar bulan Ramadan, secara tidak langsung ia dapat memberikan harapan atau bantuan kepada golongan yang tidak bernasib baik untuk sama-sama merasai kenikmatan beribadat di bulan mulia ini," katanya.